

TAHA-TANGKAP 'R'R'R

1982

KUALA LUMPUR, JULY 10 (BERNAMA)--MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN, DATUK MOKHTAR HASHIM, TELAH DITANGKAP PADA PUKUL 1.35 PAGI TADI BERKAITAN DENGAN KES PEMBUNUHAN BEKAS SPEAKER DEWAN UNDANGAN NEGERI SEMBILAN, DATUK TAHA TALIB.

MENURUT KENYATAAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD, DATUK MOKHTAR AKAN DI HADAPKAN KE MAHKAMAH MAJISTRET TAMPIN PAGI INI BERSAMA-SAMA DENGAN EMPAT ORANG LAGI ATAS TUDUHAN DI BAWAH SEKSYEN 302 KANUN KESEKSAAN. --LAGI 0930/0M

B503:

TAHA-TANGKAP 2 KUALA LUMPUR 'R'R'R'R

KENYATAAN ITU TIDAK MENYEBUT NAMA EMPAT ORANG LAGI ITU.

DATUK MOKHTAR, 40 TAHUN, TELAH DITANGKAP DI BAWAH WARAN TANGKAP YANG DI KELUARKAN OLEH OLEH MAJISTRET TAMPIN.

SEKSYEN 302 KANUN ITU MENYEBUT +BARANG SIAPA MELAKUKAN KEBUNUHAN SENGAJA IA AKAN DISEKSAKAN DENGAN KEMATIAN.+

BERIKUTAN IALAH KENYATAAN DATUK SERI DR. MAHATHIR:

+PADA JAM 1.35 PAGI INI POLIS TELAH MENGUATKUASAKAN WARAN TANGKAP YANG DIKELUARKAN OLEH MAJISTRET TAMPIN KE ATAS DATUK MOKHTAR HAJI HASHIM, BERKAITAN DENGAN KES PEMBUNUHAN DATUK TAHA TALIB, BEKAS SPEAKER DEWAN UNDANGAN NEGERI SEMBILAN DI GEMENCHEH PADA 14 APRIL LALU.

+DATUK MOKHTAR AKAN DITUDUH DI MAHKAMAH MAJISTRET TAMPIN PAGI INI BERSAMA-SAMA EMPAT ORANG LAGI DI BAWAH SEKSYEN 302 KANUN KESEKSAAN.+ --BERNAMA 0943/0M